



PRESIDEN Yayasan Anti-Rasuah. Mohd. Nizam Mohd. Isa (dua dari kanan) menyerahkan borang keahlian Pejuang kepada Tun Dr. Mahathir Mohamad di Yayasan Al-Bukhary, Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/MUHAMAD IQBAL ROSLI

Muhyiddin minta sokongan jadi PM lagi

Oleh **AHMAD FADHLULLAH
ADNAN DAN AZMI NORDIN**
utusannews@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Tun Dr. Mahathir Mohamad mendedahkan, Tan Sri Muhyiddin Yassin berjumpa dengannya kerana mahu beliau memberi sokongan kepada Pengerusi Perikatan Nasional (PN) itu menjadi Perdana Menteri buat kali kedua.

Pengerusi Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) itu berkata, beliau tidak akan menyokong permintaan tersebut namun belum membuat keputusan mengenai kerjasama bagi menghadapi Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

“Muhyiddin jumpa minta saya sokong dia untuk menjadi Perdana Menteri sekali lagi. Saya pun tak

tahu sedangkan dia tahu Pejuang kalah dalam Pilihan Raya Negeri Johor, kita tak kuat dan tak ada duit, tapi dia minta saya sokong.

“Saya tak tau nak kata apa, tetapi saya tak jadi Perdana Menteri kerana Muhyiddin lah, dia tikam belakang. Sekarang ini dia minta tolong orang yang dia pernah tikam belakang, tetapi tak mati lagi,” katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan perbincangan bersama Yayasan Anti Rasuah Malaysia di Yayasan Albukhary di sini, semalam.

Dr. Mahathir juga yakin Muhyiddin tidak akan meminta pertolongannya jika bekas Perdana Menteri itu mencapai perkara yang terbaik untuk Malaysia.

“Semasa dia jadi Perdana Menteri, kebanyakan orang tak puas

hati dengan dia. Orang tak puas hati dengan dia punya kepimpinan. Dia bukannya Perdana Menteri yang bagus sebab itu tak ada orang nak pilih dia semula.

“Jadi, kita tak fikir tentang perkara tersebut, kita tidak akan berikan sokongan kepada seseorang yang menjadi Perdana Menteri, tetapi gagal sama seperti Datuk Seri Najib Tun Razak,” ujarnya.

Semalam, media melaporkan, Presiden Pejuang, Datuk Seri Mukhriz Mahathir mendedahkan Dr. Mahathir didatangi Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia itu bagi membentuk kerjasama baharu menjelang PRU-15.

Mukhriz berkata, pertemuan itu berlangsung kira-kira dua minggu lalu, setelah Bersatu tewas dalam PRN Johor.